

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD  
[ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad ( Pasir Gudang ) minta  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
menyatakan jumlah TASKA yang berdaftar dan tidak berdaftar dengan  
pihak Kementerian serta langkah-langkah pemantauan dan tindakan yang  
diambil oleh pihak Kementerian bagi membanteras TASKA yang tidak  
berdaftar ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin ke atas aspek kesejahteraan dan pendidikan awal kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA). Dalam hal ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah agensi yang diberi tanggungjawab untuk pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan TASKA. Statistik jumlah TASKA berdaftar dengan JKM hingga April 2014 adalah 3,235 buah dan TASKA yang tidak berdaftar pula berjumlah 1,082 buah.

Tuan Yang Dipertua,

Daripada jumlah TASKA tidak berdaftar 1,082 buah tersebut, 1,071 buah sedang dalam proses pendaftaran, 8 buah dalam tindakan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan 3 buah dalam proses berpindah ke premis lain. JKM dalam menguatkuasakan Akta 308 dan Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012, telah menggunakan pendekatan berhemah dengan mengeluarkan surat

peringatan sebanyak 21 hari kepada pengusaha TASKA agar mematuhi syarat yang ditetapkan. Selain itu, pengusaha TASKA diberi khidmat nasihat untuk membantu mereka mematuhi Akta dan peraturan tersebut.

Sekiranya TASKA berkenaan masih gagal mematuhi syarat yang ditetapkan, tindakan mengkompaun tidak melebihi RM5,000.00 bagi setiap kesalahan boleh dikenakan ke atas TASKA berkenaan atau TASKA tersebut boleh dikenakan tindakan lak. Bagi mana-mana TASKA yang berdaftar, tindakan penutupan atau pembatalan perakuan pendaftaran boleh dikenakan. Tindakan pendakwaan boleh diambil sekiranya pengusaha masih gagal mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan walaupun telah diberi bimbingan dan nasihat. Jika disabit kesalahan, pengusaha TASKA boleh:

- (i) didenda tidak lebih RM10,000.00 atau di penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali; dan
- (ii) bagi kesalahan kedua atau berikutnya, boleh didenda tidak lebih RM20,000.00 atau di penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bermula dari tahun 2012 hingga April 2014, JKM telah mengambil tindakan seperti di bawah kepada TASKA yang tidak berdaftar:

- (i) mengeluarkan surat peringatan pertama kepada 672 buah TASKA yang tidak berdaftar;
- (ii) lak (2 buah TASKA);
- (iii) arahan tutup (5 buah TASKA); dan
- (iv) kompaun (1 TASKA tidak berdaftar).